



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
SELASA 19 JULAI 2022**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2.	MAHA 2022 PLATFORM HAPUS ORANG TENGAH, NASIONAL, SH -20 MAHA 2022 PLATFORM HAPUSKAN ORANG TENGAH SEKTOR PERTANIAN, NEGARA, KOSMO -16	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI)
3.	BENIH KETAM BAKAU DILEPASKAN KE TASIK SITOMPOK, GAYA PENDIDIKAN, UM -22	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
4.	HASILKAN MI KUNING SEBAGAI FARDHU KIFAYAH, DALAM NEGERI, UM -31	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
5. 6. 7. 8. 9. 10.	TIADA SUSBUDI KEPADA PENTERNAK KHINZIR, ASTRO AWANI -ONLINE KELANTAN EXCEEDS FOOD SELF-SUFFICIENCY LEVELS, NEWS WITHOUT BORDERS, THE SUN -3 KELANTAN BEBAS KRISIS MAKANAN, LOKAL, HM -19 KL, JAKARTA BINCANG ISU PEMBEKUAN PEKERJA ASING, NASIONAL, BH -6 BOT PUKAT TUNDA CEROBOK PANTAI, NEGERI SELANGOR, SH -24 TIADA ELAUN UNTUK AHLI PASUKAN KHAS JIHAD TANGANI IFLASI, NASIONAL, BH -2	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	20

MAHA 2022 platform hapus orang tengah

PUTRAJAYA - Penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agropelancongan Malaysia (MAHA) 2022 pada Ogos ini berperanan menjadi platform menghapuskan orang tengah dalam sektor pertanian dan rantai bekalan makanan.

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan, Datuk Dr Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, melalui rantai perniagaan dalam MAHA 2022, perniagaan secara langsung antara pengeluar dengan pengguna akan berlaku sekali gus berpotensi mengelakkan peranan orang tengah.

“Dengan MAHA, kita sebolehnya mahu menghapuskan golongan ketiga (orang tengah) yang cuba mengambil kesempatan untuk mengaut kekayaan dalam keadaan tidak sewajarnya,” katanya selepas prapelancongan Laman Agro-Food Florikultur sempena MAHA 2022 di sini pada

Isnin.

Pada 18 Mei lepas, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob dilaporkan menggesa agar budaya orang tengah dalam sektor pertanian dan rangkaian bekalan makanan dihapuskan bagi mengawal kos sara hidup yang meningkat antara lain akibat kenaikan kadar inflasi.

MAHA 2022 akan diadakan secara hibrid pada 4 hingga 14 Ogos di Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS), Serdang dengan bertemakan ‘Sekuriti Makanan Untuk Masa Depan’.

Sementara itu, Ketua Pengarah Jabatan Pertanian, Datuk Zahimi Hassan berkata, antara tarikan Laman Agro-Food Florikultur adalah Miracle Garden yang akan menonjolkan keindahan landskap kombinasi pelbagai jenis bunga bersama tanaman *edible* atau boleh dimakan dengan aspek pertanian pintar. - *Bernama*

MAHA 2022 platform hapuskan orang tengah sektor pertanian

PUTRAJAYA - Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) mahu menjadikan penganjuran Pameran Pertanian, Hortikultur dan Agro Pelancangan Malaysia (MAHA) 2022 sebagai platform bagi menghapuskan peranan orang tengah dalam sektor pertanian.

Timbalan Menteriya, Datuk Nik Muhammad Zawawi Salleh berkata, MAHA 2022 yang bakal bermula 4 hingga 14 Ogos depan mempunyai kekuatan ekonomi tersendiri dalam mewujudkan rantaian perniagaan peringkat nasional, bahkan boleh dikembangkan ke peringkat antara-

bangsa.

"MAHA menawarkan kemudahan dan panduan menyeluruh daripada menanam hinggalah kepada peringkat jualan hasil tanaman selai menawarkan peluang perniagaan, pelaburan dan teknologi pertanian.

"Semua tawaran dan peluang itu akan dipamerkan pada MAHA 2022 dan ia akan menjadi penghubung rantaian perniagaan antara petani dan pengusaha dengan pengguna.

"Kami mahu menghapuskan peranan orang tengah dalam sektor pertanian ini kerana mereka ini sentiasa mengambil kesem-

patan dan mengaut kekayaan dalam keadaan yang tidak sewajarnya," katanya selepas melancarkan Laman Agromakanan Florikultur sempena penganjuran MAHA 2022 semalam.

Justeru, beliau berharap rantaian terus antara petani dan pengguna ini dapat menghapuskan pembabitian orang tengah dalam sektor pertanian.

Sebelum ini, Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob menggesa supaya budaya 'orang tengah' dalam sektor pertanian dan rantaian bekalan makanan dihapuskan bagi mengawal kos sara hidup yang meningkat.



MUHAMMAD ZAWAWI (tengah) ketika melancarkan Laman Agromakanan Florikultur di Putrajaya semalam.

19/7/2022

UTUSAN

GAYA

22

MALAYSIA

PENDIDIKAN

Benih ketam bakau dilepaskan ke Tasik Sitompok

SEBANYAK 2,600 ekor benih ketam bakau dilepaskan di Tasik Sitompok, Kuala Penyu, bertujuan menambah stok perikanan dan hidupan air di tasik berkenaan dalam suatu acara baru-baru ini.

Program kerjasama antara Institut Penyelidikan Maritim Borneo (IPMB) Universiti Malaysia Sabah (UMS) dan Jabatan Perikanan Sabah itu bertujuan menambah stok perikanan dan hidupan air di tasik berkenaan.

Benih ketam bakau dilepaskan adalah daripada spesies *scylla tranquebarica*, dihasilkan di Hatceri Krustasia institut berkenaan.

Spesies ketam bakau ini dipilih kerana ia merupakan spesies ketam bakau dominan di perairan Sabah.

Benih ketam dilepaskan



PROGRAM kerjasama bertujuan menambah stok perikanan dan hidupan air di tasik berkenaan.

bersaiz diantara lima milimeter (mm) hingga 25 mm lebar karapas dan berumur dalam lapan minggu selepas penetasan di Hatceri Krustasia.

Hasil kajian penyelidik UMS mendapati bahawa hasil tangkapan ketam bakau di perairan Sabah kian berkurangan.



KETAM spesies *scylla tranquebarica*.

Aktiviti akuakultur menggunakan benih dihasilkan di pusat penetasan adalah amat penting untuk terus membangunkan industri penghasilan ketam bakau pada masa hadapan.

Pada masa sama, ia bagi memulihara stok ketam bakau bagi memenuhi permintaan tempatan dan luar negara.

Hingga kini, bekalan ketam bakau bergantung



hampir sepenuhnya daripada penangkapan stok liar ketam diperolehi daripada habitat semula jadi.

Program tersebut disempurnakan Timbalan Pengarah (Pembangunan) Jabatan Perikanan Sabah, Azhar Kassim.

Turut hadir, Pengurus Hatceri Krustasia IPMB UMS, Prof. Madya Dr. Annita Yong Seok Kian.

19/7/2022

UTUSAN

DALAM

31

MALAYSIA

NEGERI

Hasilkan mi kuning sebagai fardu kifayah

KOTA TINGGI: Mengambil tanggungjawab sebagai fardu kifayah, seorang lelaki sanggup berhabis modal sehingga RM40,000 untuk menghasilkan produk mi kuning.

Nurul Hadi Ali, 47, berkata, proses pembuatan mi berkenaan yang kini diuruskan anak keduanya, Nurmajmuddin, 19, dibantu empat pekerja dijalankan di sebuah premis yang disewa di Taman Sri Saujana, di sini.

Mereka mampu menghasilkan antara 50 hingga 100 kilogram mi kuning dengan jenama 'Produk Ibu Aira' sehari.

"Saya merupakan seorang yang gemar makan mi kuning, begitu juga dengan anak-anak. Kita dapati mi kuning dalam pasaran kebanyakannya bukan dihasilkan oleh bumiputera.

"Jadi, apa yang saya lakukan dengan menghasilkan produk mi kuning ini juga merupakan

lain," katanya ketika ditemui *Utusan Malaysia* di sini.

Menurutnya, keistimewaan mi kuning dihasilkan itu tidak perlu direbus dan boleh dimakan begitu sahaja kerana bahan pengawet yang kurang.

Dia turut mengikuti kursus anjuran Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) untuk mempelajari proses menghasilkan mi kuning tersebut.

Namun, setiap kejayaan tidak datang bergolek dan dia mengakui telah menempuh pelbagai cabaran dalam menghasilkan produk berkenaan.

"Lebih 10 kali saya buat R&D (penyelidikan dan pembangunan) untuk hasilkan mi kuning yang terbaik. Memang pada awalnya otak hanya memikirkan mi sahaja kerana kami mahu hasilkan produk yang terbaik dan lebih baik," katanya.



NURUL HADI ALI (KANAN) BERSAMA ANAKNYA, NURMAJMUDDIN YANG MENGENDALIKAN PREMIS MEMROSES MI KUNING 'PRODUK IBU AIRA' DI TAMAN SRI SAUJANA, KOTA TINGGI.

tidak mencukupi. Kebanyakan kedai dan pasar raya yang kita hantar suka dengan produk yang dihasilkan oleh orang Is-

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2022	ASTRO AWANI	ONLINE	

Tiada subsidi kepada penternak khinzir



Razman berkata, tiada keperluan untuk kerajaan Pusat mahupun negeri memberikan subsidi kepada bahan makanan mentah berkenaan. - Gambar hiasan/ Bernama

IPOH: Kerajaan Perak tidak memberikan sebarang subsidi kepada penternak khinzir kerana kadar sara diri pengeluaran (SSL) bagi daging berkenaan melebihi daripada keperluan.

Pengerusi Jawatankuasa Perladangan, Pertanian dan Industri Makanan Perak, Razman Zakaria, berkata justeru tiada keperluan untuk kerajaan Pusat mahupun negeri memberikan subsidi kepada bahan makanan mentah berkenaan.

“Pertamanya daging khinzir ni mungkin bukan menjadi suatu makanan kepada keseluruhan rakyat di negara ini.

“Dan setakat ini di Negeri Perak, SSL untuk pengeluaran daging khinzir ini sudah hampir kepada 300 peratus iaitu 284 peratus.

“Justeru ia tidak menjadi kritikal. Dan mungkin sebab itu tidak ada pertimbangan daripada pihak kerajaan (untuk pemberian subsidi untuk bahan makanan itu).

“Malah ia juga bukan menjadi satu isu nasional seperti daging ayam. Disebabkan itu, pihak Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) ada mengambil tindakan untuk mengawal harga ayam,” katanya.

Beliau berkata demikian pada sesi soalan lisan sempena Mesyuarat Kedua, Tahun Kelima Persidangan Dewan Undangan Negeri (DUN) Perak ke-14 di Bangunan Perak Darul Ridzuan, di sini pada Isnin.

Razman menjawab soalan tambahan berhubung isu pemberian subsidi dan bantuan kepada penternak khinzir yang dibangkitkan Howard Lee Chuan How (DAP-Pasir Pinjir).

Terdahulu, Chong Zhemin (DAP-Keranji) turut membangkitkan perkara sama susulan berlaku peningkatan ketara terhadap harga daging khinzir di pasaran.

“Daging khinzir telah naik harga sebanyak enam kali iaitu daripada RM700 untuk 100 kilogram (kg) kepada RM1,200 untuk 100 kg.

“Ini bermakna, secara purata ia telah naik enam kali pada enam bulan. Setiap bulan, harganya naik sekali. Jadi saya rasa ini satu masalah yang kita perlu tangani,” katanya.

Razman kemudian berkata, setakat ini pihaknya tidak menerima sebarang rungutan daripada penternak khinzir susulan kenaikan harga yang dinyatakan itu.

Ketika menjawab soalan lisan yang dikemukakan Zhemin, Razman berkata kerajaan negeri telah mengambil pelbagai kaedah bagi membantu penternak mengurangkan kos menternak.

Katanya, antara usaha berkenaan termasuk peruntukan sebanyak RM500,000 di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi (PRE) Perak Sejahtera bagi sektor ternakan melalui bantuan kepada para penternak ruminan dan ayam kampung yang memenuhi syarat dan pengusaha secara kecil-kecilan.

“Pakej ini merangkumi bantuan daripada sudut penyediaan kursus dan pemberian peralatan atau mesin secara percuma kepada peserta iaitu mesin mixer dan tong kedap udara untuk para penternak dapat menghasilkan makanan ternakan alternatif.

“Jumlah kos dan kadar bagi seorang adalah RM2,000 yang bakal memberi manfaat kepada 250 orang penternak,” ujar beliau.

Tambahnya lagi, bagi langkah jangka masa panjang, kerajaan negeri melalui Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) telah mengadakan kerjasama dengan sebuah syarikat pengeluar makanan ternakan iaitu Cargill Feed Sdn Bhd, ini sebagai usaha mengawal harga pasaran dengan lebih baik dan terkawal untuk manfaat penternak.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2022	THE SUN	NEWS WITHOUT BORDERS	3

Kelantan exceeds food self-sufficiency levels

KOTA BARU: Kelantan will not face a food supply shortage as the production of rice, fruits and goats has exceeded the people's self-sufficiency level (SSL).

State Agriculture, Agro-based Industry, Biotechnology, Green Technology, and Environment Committee chairman Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail said measures were implemented by the state government on May 11 by establishing a state Food Security Steering Committee chaired by Menteri Besar Datuk Ahmad Yakob and a state Food Security Working Committee chaired by state secretary Datuk Nazran Muhammmad.

He said both committees involved various government and state agencies, local authorities as well as representatives from higher education institutions to refine relevant issues and appropriate solutions to address issues arising.

"SSL data for 2020 shows Kelantan was on the right track in achieving its mission to become the national food source.

"The SSL status for food sources in 2020 for rice was 208%, 196% for coconut, 190% for mutton or lamb, 117% for fruit, 98% for vegetables and 93% for fish."

He said this in his reply to a question from Rohani Ibrahim (PAS-Tanjong Mas) at the 14th Kelantan state assembly sitting in Kota Darulnaim yesterday.

Tuan Mohd Saripudin added that the state government has also taken several measures to ensure security of food supply in the state.

"Among the measures taken was to provide a special allocation of RM10 million through Kelantan Agricultural Development Corp for the implementation of semi-automatic closed-house broiler farm projects and integrated cattle breeding in oil palm plantations.

"We are also intensifying community involvement in campaigns related to the agriculture, livestock and fisheries sectors such as the Green Kitchen, Seed Community campaign as well as the Production and Storage of Crop Seeds campaign," he said. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/7/2022	HARIAN METRO	LOKAL	19

SIDANG DUN KELANTAN

Kelantan bebas krisis makanan

Kota Bharu: Kelantan tidak akan menghadapi situasi kekurangan makanan sekiranya berlaku krisis bekalan makanan memandangkan pengeluaran sumber utama seperti beras dan buah-buahan melebihi tahap sara diri.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Asas Tani, Bioteknologi, Teknologi Hijau dan Alam Sekitar negeri, Tuan Mohd Saripudin Tuan Ismail berkata, kerajaan negeri mengambil langkah proaktif dengan menubuhkan Jawatankuasa Induk Sekutiti Makanan Negeri Kelantan dan Jawatankuasa Kerja Sekuriti Makanan pada 11 Mei lalu.

Katanya, jawatankuasa berkenaan membabitkan pelbagai agensi termasuk jabatan atau agensi kerajaan, pihak berkuasa tempatan serta wakil dari institusi pendidikan tinggi bagi memperhalusi isu-isu berkaitan serta langkah-langkah penyelesaian yang sesuai bagi menangani isu berbangkit.

"Berdasarkan data Status Kadar Sara Diri (SSL) 2020 menunjukkan, Kelantan berada dalam landasan

yang tepat dalam menjayakan misi sebagai Jelapang Makanan Negara.

"Status SSL 2020 bagi sumber makanan bagi beras adalah 208 peratus, kelapa sebanyak 196 peratus, daging kambing serta bebiri (190 peratus), buah-buahan (117 peratus), sayur-sayuran (98 peratus) dan ikan adalah 93 peratus.

"Selain itu, beberapa langkah diambil seperti menyediakan peruntukan khas RM10 juta melalui Perbadanan Kemajuan Pertanian Negeri Kelantan bagi pelaksanaan projek ternakan ayam pedaging tertutup semi automatik dan penternakan lembu secara integrasi di ladang sawit," katanya.

Beliau berkata demikian ketika menjawab soalan dikemukakan Rohani Ibrahim (Pas-Tanjong Mas) pada sidang Dewan Undangan Negeri (Dun) Kelantan ke-14, di sini, semalam.

Tuan Mohd Saripudin berkata, ternakan lembu secara integrasi dalam kawasan ladang sawit juga sudah dibangunkan Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad di Paloh, Gua Musang.

KL, Jakarta bincang isu pembekuan pekerja asing

Keputusan dijangka diperoleh dalam dua hari lagi

Oleh Nur Azidah Mokhtar
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Kerajaan dalam proses mengadakan perbincangan lanjut dengan Indonesia bertubung isu pembekuan penggunaan tenaga pekerja dari negara terbabit. Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Hamzah Zainuddin, berkata perbincangan lanjut dimulakan semalam, antara Kementerian Sumber Manusia (KSM) dengan wakil Kerajaan Indonesia bagi mencari jalan penyelesaian sewajarnya.

"KSM dan Jabatan Imigresen mengadakan perbincangan bersama pihak Indonesia untuk memastikan salah faham yang berlaku dapat diselesaikan secepat mungkin. Kita sentiasa memastikan keperluan pekerja asing berlandaskan kedaulatan undang-undang negara dan menjamin mereka dilindungi secara saksama.

"Keputusan mengenai perkara itu dijangka diperoleh dalam dua hari lagi," katanya ketika sidang media selepas Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenal Pengurusan Pekerja Asing ketujuh di Bukit Aman, semalam.

Sidang media itu turut disertai Menteri Sumber Manusia, Datuk Seri IM Saravanan.

Bermula 13 Julai lalu, Indonesia menghentikan sementara semua proses berkaitan pengambilan pekerja dari negaranya dalam semua sektor berkuat kuasa serentak.

Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Hermono dilaporkan berkata, keputusan itu susulan wujud salah faham dalam penggunaan sistem yang dimeterai untuk digunakan sebelum ini dan pihaknya sudah menghantar maklum balas itu kepada Saravanan.

Pembekuan itu dikatakan berkaitan Jabatan Imigresen terus menggunakan System Maid Online (SMO) biarpun kedua-dua negara bersetuju menggunakan satu saluran, iaitu One Channel System (OCS) menerusi perjanjian persefahaman (MoU) dua negara sebelum ini.

HMJFA kawal satu subsektor

Dalam pada itu, Hamzah berkata, mesyuarat semalam juga bersetuju supaya agensi kawal satu subsektor gundang darat diberi kepada Institut Maklumat dan Analisis Pasaran Buruh (ILMIA) di Jabatan Perangkaan Malaysia.

Katanya, mesyuarat bersetuju subsektor ini dibuka dan dibenarkan menggalakan pekerja asing berteknologi mahir dan rendah.

Bagaimanapun, tegasnya, elemen kawalan masih diperlukan supaya tidak menjejaskan peluang pekerjaan penduduk tempatan dan mengurangkan kebergantungan kepada pekerja asing.

"Mesyuarat juga bersetuju Ke-



Hamzah bersama Saravanan pada sidang media selepas Mesyuarat Jawatankuasa Bersama Antara Menteri Dalam Negeri dan Menteri Sumber Manusia Mengenai Pengurusan Pekerja Asing ketujuh di Bukit Aman, semalam.

mentarian Pengangkutan dilantik sebagai agensi kawal satu subsektor ngawal selia pengurusan pengalangan pekerja asing dalam subsektor gundang darat.

"Selain itu, turut dipersekat ialah meluluskan permohonan pengalangan pekerja asing industri sarung burung walet oleh Kementerian Perumahan dan Industri Makanan (MAPI).

"Kertas cadangan dari Construction Labour Exchange Board (CLAB) juga diluluskan bagi membolehkan agensi berkenaan menguruskan sepenuhnya kemasi-kan pekerja asing binaan melebihi 100 orang.

"Ia selaras pematuhan kepada Akta 520 seperti memastikan pe-

kerja mempunyai Kad Personel Binaan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) dan Sijil Kompetensi Kemahiran Pembinaan (SKKP)," katanya.

Beliau berkata, Kementerian Dalam Negeri (KDN) turut memberi kebenaran pekerja asing berpermit jangka pendek melaksanakan kerja pembinaan infrastruktur dan kerja di Kawasan Larangan dan Tempat Larangan (KLT).

Hamzah berkata, kerajaan juga bersetuju membenarkan pekerja asing digalakan dalam subsektor barang lusuhan dan subsektor dobi, selain membenarkan pekerja asing dari 15 negara sumber bekertja dalam sektor perkilangan, pembinaan dan perkhidmatan.

Bot pukak tunda ceroboh pantai

Nelayan pesisir pantai dihimpit tekanan berikutan tangkapan terjejas dan berkurangan

Oleh **MOHD IZZATUL IZUAN TAHIR**
SABAK BERNAM

Nelayan pesisir pantai di sekitar perairan Sabak Bernam dihimpit tekanan berikutan pencerobahan bot pukak tunda yang menangkap ikan pada jarak antara tiga hingga empat batu nautika dari pantai.

Nelayan mendakwa, masalah membeltunggu mereka itu bukan berlaku dalam waktu terdekat, malah telah berlaku sejak lebih 40 tahun lalu.

Ketua Jeli Nelayan Sungai Labu Sekinchan, Mohd Tamyis Sujud berkata, masalah itu kerap berlaku seolah-olah tiada jalan penyelesaian diambil.

"Banyak aduan dibuat kepada pihak berwajib, namun sampai sekarang kegiatan bot pukak tunda ceroboh masuk ke kawasan pantai masih tidak dapat diselesaikan," katanya ketika ditemui *Sinar Harian* pada Isnin.

Mohd Tamyis berkata, pencerobahan bot pukak tunda itu sudah tentu memberi kesan kepada hasil tangkapan nelayan pesisir pantai.



Nelayan pesisir pantai kecewa berikutan pencerobahan bot pukak tunda di kawasan tiga hingga empat batu nautika dari pantai.

katanya.

Seorang lagi nelayan, Azi Murad, 34, berkata, nelayan semakin terhimpit dengan isu pencerobahan bot pukak tunda.

Jelasnya, pendapatan nelayan tidak menentu berikutan aktiviti penangkapan ikan tidak terkawal di kawasan pantai.

Katanya, rata-rata nelayan bersyukur kerana masih menerima Elaun Sara Hidup (ESH) sebanyak RM300 sebulan daripada Kerajaan.

"Kami berterima kasih kepada kerajaan yang dapat menampung perbelanjaan dan mengurangkan beban," ujarnya.

Dalam pada itu, seorang nelayan di Pasir Panjang, Rosil Sungip, 63, berkata,

isu pencerobahan bot pukak tunda semakin mengancam nelayan pantai. Jelasnya, perkara itu perlu ditangani segera oleh pihak berwajib bagi memastikan sumber ekosistem hidupan laut terus terpelihara.

"Apa yang kami bimbang hasil hidupan marin semakin merosot dan keadaan ini berpunca apabila bot pukak tunda bukan sahaja menangkap ikan, malah anak-anak ikan yang baru membesar," katanya.

Seorang lagi nelayan, Ahmad Muammar Sumali, 30, berkata, bot pukak tunda biasanya menangkap ikan pada waktu malam hingga lewat pagi.

Jelasnya, keadaan itu memberi risiko kepada nelayan yang keluar menangkap ikan kerana bersiko berlaku kemalangan.

"Kita minta rondaan lebih kerap dijalankan di perairan ini bagi memastikan nasib nelayan pesisir pantai terus terbelak," jelasnya.

Tiada elaun untuk ahli Pasukan Khas Jihad Tangani Iflasi

Kuala Lumpur: Tiada elaun diperuntukkan kepada ahli Pasukan Khas Jihad Tangani Iflasi yang ditubuhkan pada 29 Jun lalu kerana mereka berkhidmat se-

penuhnya demi negara.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob, berkata pasukan itu diketuai Menteri Komunikasi dan Multimedia, Tan

Sri Annuar Musa serta diurus selia Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) amat aktif dan sudah bersidang-tiga kali sejak ditubuhkan.

"Kita menubuhkan pasukan itu bagi memastikan Keluarga Malaysia tidak terkesan dengan serius akibat kenaikan inflasi di seluruh dunia.

"Penubuhan pasukan ini juga bagi memastikan Keluarga Malaysia menghadapi cabaran peningkatan kos sara hidup dan menyelesaikan isu berkaitan inflasi khususnya mengawal kenaikan harga barang dengan lebih efisien dan berkesan," katanya pada sidang Dewan Rakyat, di sini, semalam.

Menjawab soalan tambahan Datuk Seri Mohd Salim Sharif (BN-Jempol) mengenai keistimewaan Pasukan Khas Jihad Tangani Inflasi dan perbezaannya dengan jawatankuasa berkaitan harga barang dan kos sara hidup seperti Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara (NACCOL) dan Majlis Tindakan Ekonomi Negara, Perdana Menteri berkata, pada masa itu melihat kepada dan kenaikan harga barang.

"Pasukan ini bermesyuarat

dua kali seminggu iaitu Isnin dan Khamis. Ia mesti melaporkan kepada rakyat mengenai tindakan akan dilakukan.

"Ia juga berperanan sebagai penyelaras kerana Kementerian Pertanian seperti Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) serta KPDNHEP bermesyuarat setiap minggu.

"Kementerian ini melaporkan kepada pasukan khas ini dan mengambil tindakan bersama," katanya.

Berbeza dengan NACCOL

Perdana Menteri berkata, fungsi pasukan khas itu berbeza dengan NACCOL yang ditubuhkan pada 2014 yang melihat isu secara menyeluruh seperti harga barang, kos pengangkutan dan isu perumahan.

Katanya, di bawah pentadbirannya, NACCOL bermesyuarat dua bulan sekali dan dua kali setahun di bawah Pakatan Harapan (PH).

Sementara itu, Ketua Pembangkang, Datuk Seri Anwar Ibrahim dalam soalan tambahannya mendakwa kerajaan menggunakan pendekatan konvensional dalam menangani masalah kos sara hidup rakyat dan tidak bersedia membawa peru-

bahan struktur.

Ahli Parlimen Port Dickson itu, berkata kerajaan tidak boleh hanya membicarakan soal subsidi yang kini turut dinikmati golongan kaya dan warga asing, sebaliknya melaksanakan tindakan lebih menyeluruh.

"Umumanya, mengenai kos import (bahan makanan) yang tinggi, itu kerana ringgit merudum. Ada pendekatan untuk memperkukuh nilai ringgit supaya jumlah import tidak meningkat?"

"Mengenal soal subsidi minyak, kita mampu menurunkan harga minyak jika pendekatan itu secara bersasar, manakala inflasi pula, ikut kita mahu guna bakul apa.

"Kalau barang makanan, tiada siapa percaya harga makanan itu (inflasi) 2.8 peratus, atau empat atau enam peratus."

"Justeru, kerajaan mesti realistik. Beban ditanggung rakyat memang sangat berat dan saya percaya Perdana Menteri menyentuh perkara ini beberapa kali. Soalnya, apa tindakan?" katanya.

Beliau berkata demikian ketika mengemukakan soalan tambahan kepada Perdana Menteri mengenai langkah kerajaan menangani kos sara hidup rakyat pada sesi soal jawab lisan di Dewan Rakyat.